

### Definisi Harta

Sesuatu yang dimiliki oleh seseorang individu atau kumpulan manusia seperti barang berharga, barang perniagaan, aset tetap, wang atau haiwan.

### Definisi Perancangan Harta

Proses pengurusan harta semasa seseorang masih hidup bagi tujuan kepentingan dan kemudahan pemilik harta.

### Konsep Perancangan Harta

#### Perspektif Konvensional      Perspektif Islam

**Kapoor (2003)** : suatu perancangan untuk menentukan dan mentadbir pengurusan terhadap harta pusaka yang dimiliki oleh seseorang sepanjang kehidupannya dan perancangan selepas kematiannya.

**Sadali (2006)** : satu aktiviti merancang oleh seseorang individu untuk memindah-milikan harta yang dimiliki kepada orang lain berdasarkan kepada hukum syarak.

### Perancangan Harta dari Perspektif Maqasid Syariah

**Maqasid Syariah** : salah satu elemen penting dan wajib dalam membuat sesuatu perancangan termasuk dalam konteks perancangan harta.

**Objektif Maqasid** : untuk menjaga kepentingan dan keperluan manusia di dunia dan akhirat.

Penjagaan terhadap lima aspek utama (al-Daruriyyah, al-khamsah) iaitu menjaga agama (hifz al-din), menjaga nyawa/jiwa (hifz al-nafs), menjaga akal (hifz al-a'ql), menjaga keturunan (hifz al-nasab) dan menjaga harta (hifz al-mal)

### Kedudukan dan Dalil Perancangan Harta dalam Islam

Di dalam Surah Al-Hasyr, ayat 18 terdapat mesej tentang kepentingan perancangan untuk mencapai kejayaan.

Pengajaran daripada Kisah Nabi Yusuf A.S, beliau telah dipertanggungjawabkan untuk merancang ekonomi Mesir dengan menyimpan pendapatan yang diperolehi bagi menghadapi zaman kegawatan pada tujuh tahun kemudiannya. Rancangan tersebut berjaya menyelamatkan rakyat negara Mesir daripada menghadapi musim kemarau dan kebuluran yang dahsyat. (Muhammad Abdul Rauf , 1994)

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : "Gunakanlah lima perkara sebelum lima perkara; masa muda sebelum masa tua, sihat sebelum sakit, kaya sebelum miskin, masa lapang sebelum sibuk dan hidup sebelum mati"

### Kepentingan dan Keperluan Perancangan Harta

1. Memastikan harta sentiasa beredar dan bergerak cergas dalam pelbagai sektor.
2. Menjamin peredaran harta secara meluas berpandukan hukum syarak agar iaanya dapat dinikmati oleh masyarakat dan negara.
3. Harta yang diperolehi dengan cara yang halal hendaklah dibelanja dan dikembangkan dengan cara yang halal dan dibenarkan syarak.
4. Harta yang diperolehi juga untuk kebaikan masyarakat umum.
5. Pembekuan harta menahan harta yang dimiliki daripada dibelanjakan sama ada untuk diri sendiri maupun ke jalan Allah.

### Nilai-nilai Islam dalam Perancangan Harta

Akauntabiliti tanggungjawab individu terhadap yang telah diamankan kepadanya dan perlu dilaksanakannya.

Adil meletakkan sesuatu pada tempatnya dan memberi hak kepada mereka yang berhak tanpa menindas dan menzalimi hak orang lain.

Kebijaksanaan yang dimiliki boleh diinterpretasikan dalam pengurusan harta dari dua sudut.



By NazatulShima Alia

cheatography.com/nazatulshima-alia/

Not published yet.

Last updated 25th June, 2020.

Page 1 of 1.

Sponsored by **CrosswordCheats.com**

Learn to solve cryptic crosswords!

<http://crosswordcheats.com>